

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Bahasa Arab mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri yang menyebabkannya berbeza dari bahasa-bahasa lain di dunia. Antara keistimewaan yang terdapat dalam bahasa Arab ialah teknik atau gaya bahasa yang berbentuk pengulangan yang diistilahkan oleh para cendekiawan bahasa Arab sebagai al-Takra:r (التَّكْرَارُ). Pengulangan ataupun disebut dalam bahasa Inggeris sebagai 'repetition' bermaksud melakukan sesuatu berkali-kali atau kerap.

Menurut Merriam Webster (1990:998) perkataan 'repetition' ini berasal daripada perkataan Latin 'petere' yang turut mengandungi makna mencari.

Menurut Ibn al-Athi:r (1998:23) pengulangan secara umumnya terdiri dari dua bentuk iaitu bentuk yang pertama pengulangan kata (الَلْفَظُ) dan maksud (المَعْنَى) sementara bentuk kedua merupakan pengulangan maksud (المَعْنَى) sahaja tanpa melibatkan kata. Sebagai contohnya apabila kita menyuruh seseorang untuk melakukan sesuatu dengan cepat maka kita akan mengatakan: "*Cepat! Cepat!*". Maka dalam konteks suruhan ini kita mengulangi pengucapan dengan maksud yang sama. Contoh pengulangan yang melibatkan maksud sahaja tanpa melibatkan pengucapan seseorang adalah: "*Awak hendaklah mentaati Allah! Jangan melakukan maksiat kepadaNya!*". Dalam ayat ini suruhan mentaati Allah s.w.t mengandungi maksud yang sama dengan suruhan agar meninggalkan maksiat. Jadi ayat ini juga berbentuk pengulangan walaupun pengucapannya berbeza.

Gaya bahasa berbentuk pengulangan ini sebenarnya wujud dalam semua bahasa masyarakat dunia. Malah menurut kajian Muhammad al-Ba:ridiyy (1997:42) terdapat sebahagian sarjana Barat mengatakan pengulangan dalam kajian sastera melibatkan karya panjang dan puisi merupakan suatu kemestian dan bukannya suatu kekurangan yang dinilai sebagai kelemahan.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan perbincangan tentang pengulangan ayat-ayat al-Qur'an. Ini disebabkan kedudukan al-Qur'an itu yang begitu mulia di sisi umat Islam sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan bersesuaian dengan kemantapan dan keindahan bahasanya. Allah s.w.t berfirman di awal surah al-Baqarāḥ ayat yang kedua berbunyi:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنَ اِنَّ هٰذَا الْقُرْاٰنَ الَّذِيْ نُنزِلُ عَلٰىكَ  
 هُوَ الْحَقُّ وَرَبُّكَ اَعْلَمُ

Maksudnya: “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa”.

Selain itu Allah s.w.t turut menyatakan dalam surah Fa:tir:

سُبْحٰنَ الَّذِيْ سَخَّرَ لَنَا هٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتِكُمْ اَنْ نَّسْتَعِيْنَهُ  
 اِنْ كُنَّا لِنَعْتَمِدَنَّ مَعٰنِيْكُمْ سِوٰى ذٰلِكَ فَلَا تَدْرِيْٓ اَنْ  
 نَّجْعَلَ لِكُلِّ شَيْءٍ قٰنِيْنًا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab

*Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara berterang-terang, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan satu perniagaan yang tidak mengalami kerugian (al-Fa:tir: 29).*

Di dalam kitab Sahi:h al-Bukha:riyy dalam bab Fada:'il al-Qur'a:n, Nabi s.a.w pula bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “ *Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar tentang al-Qur'an dan mengajarkannya*”.

Ibn Hajar (1993:10:93) telah menjelaskan lanjut dengan katanya, partikel al-wa:w menunjukkan kepelbagaian dalam aktiviti beramal dengan al-Qur'an. Setiap tindakan seseorang samada melibatkan belajar atau mengajar kepada orang lain dikira sebagai ibadah dan sekaligus mendatangkan pahala kepadanya. Menurut beliau lagi walaupun seseorang itu sedang dalam proses mempelajari al-Qur'an dia akan mendapat kelebihan pahala yang dijanjikan oleh Nabi s.a.w. Demikian pula seseorang yang mempelajari al-Qur'an itu kemudian mengajarkannya kepada orang lain akan memperolehi dua kali ganda ganjaran kerana dia telah menghimpunkan sesuatu yang bermanfaat untuk dirinya dan terhadap orang lain iaitulah dengan menyampaikan isi kandung al-Qur'an itu sendiri.

Menurut riwayat Muslim (1995:3:74) menerusi Sahi:h Muslim bi Syarh al-Nawa:wiyy pula, Nabi s.a.w bersabda:

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعاً لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: “*Bacalah al-Qur’an, sesungguhnya al-Qur’an itu akan memberi syafaat kepada orang yang membacanya pada hari kiamat*”.

Ibn Qayyim (1994:131) antara lain juga berkata dalam al-Tibya:n:

ثُمَّ أَخْبَرَ تَعَالَى عَنِ الْقُرْآنِ بِأَنَّهُ ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ، وَفِي مَوْضِعٍ آخَرَ تَذَكُّرٌ لِلْمُتَّقِينَ . وَفِي مَوْضِعٍ آخَرَ لِرَسُولِهِ وَلِقَوْمِهِ ، وَفِي مَوْضِعٍ آخَرَ ذِكْرٌ مُطْلَقٌ . وَفِي مَوْضِعٍ آخَرَ وَصَفَهُ بِأَنَّ هُوَ ذُو الذِّكْرِ . فَإِنَّهُ يُذَكِّرُ الْعِبَادَ بِمَصَالِحِهِمْ فِي مُعَاشِهِمْ وَمَعَادِهِمْ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِالْمَبْدَأِ وَالْمَعَادِ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِالرَّبِّ تَعَالَى وَأَسْمَائِهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ، وَحُقُوقِهِ عَلَى عِبَادِهِ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِالْخَيْرِ لِيَقْصِدُوهُ ، وَبِالشَّرِّ لِيَحْتَبِئُوهُ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِنُفُوسِهِمْ ، وَأَحْوَالِهَا وَأَفَاتِهَا ، وَمَا تَكْمُلُ بِهِ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِعَدُوِّهِمْ وَمَا يُرِيدُ مِنْهُمْ ، وَمِمَّاذَا يَخْتَرُونَ مِنْ كَيْدِهِ ، وَمِنْ أَيِّ الْأَبْوَابِ وَالطَّرِيقِ يَأْتِي إِلَيْهِمْ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِحَاجَتِهِمْ إِلَيْهِ . وَأَنََّّهُمْ مُضْطَرُّونَ إِلَيْهِ لَا يَسْتَعْنُونَ عَنْهُ نَفْسًا وَاحِدًا ، بِنِعْمِهِ عَلَيْهِمْ . وَيُذَكِّرُهُمْ بِأَسْئِهِ وَشِدَّةِ بَطْشِهِ ، وَأَنْتِقَامَهُ مِمَّنْ عَصَى أَمْرَهُ ، وَكَذَّبَ رُسُلَهُ ، وَيُذَكِّرُهُمْ بِثَوَابِهِ وَعِقَابِهِ .

Maksudnya: “*Kemudian Allah s.w.t telah mengkhabarkan tentang al-Qur’an bahwa ia merupakan peringatan buat seluruh alam, dan pada tempat lain sebagai peringatan buat orang-orang yang bertaqwa. Pada tempat lain ia sebagai peringatan kepada rasulNya dan kaumnya. Pada tempat lain, ia disebut sebagai pembawa peringatan. Al-Qur’an*

*mengingatkan para hamba tentang kepentingan-kepentingan mereka dalam hidup dan tempat kembali mereka, mengingatkan tentang perkara asas dan penghujung, mengingatkan tentang Allah s.w.t, nama-namaNya, sifat-sifatNya, kerja-kerjaNya dan tanggungjawab-tanggungjawab hambaNya terhadapNya, dan mengingatkan mereka tentang kebaikan agar mereka mencarinya, dan kejahatan agar mereka menjauhinya, dan mengingatkan mereka tentang jiwa mereka dan hal-hal keadaan mereka dan penyakit-penyakitnya, dan apakah yang dapat melengkapkan dengannya, dan mengingatkan mereka tentang musuh mereka dan apa yang dikehendakinya dari diri mereka dan dengan apakah mereka dapat mengawal diri dari tipu dayanya dan dari pintu-pintu dan jalan-jalan yang dia mendatangi mereka, dan mengingatkan mereka tentang hajat mereka kepadanya, bahawa mereka mesti mengambilnya sebagai panduan dan tidak boleh meninggalkannya walaupun sehela nafas, dan ia juga mengingatkan mereka tentang nikmat-nikmatNya. Dan ia juga mengingatkan mereka tentang kekuasaanNya dan kekerasan hukumanNya dan balasanNya terhadap orang yang engkar suruhanNya dan mendustakan rasul-rasulNya dan mengingatkan tentang pahalaNya dan dosaNya”.*

Dalam al-Qur'an terdapat kisah-kisah yang diulang lebih daripada sekali. Demikian juga ayat-ayat yang diulang pada beberapa tempat. Perkara seperti ini mengundang spekulasi daripada musuh-musuh Islam untuk mengatakan sekiranya ayat-ayat yang atau kisah yang berulang itu ditiadakan daripada al-Qur'an maka sudah tentulah al-Qur'an akan menjadi sedikit, jauh berkurangan daripada keadaannya pada hari ini (Mahmu:d Hamdi: Zaqzu:q: 2002:76-77).

Menjawab tohmahan pihak musuh seperti itu pengkaji ingin menegaskan

bahawa pengulangan ayat dalam al-Qur'an tidak dapat disamakan dengan pengulangan dalam percakapan manusia secara mutlak. Komunikasi manusia amat dipengaruhi oleh kemampuan berfikirnya, pendidikannya, emosi dan persekitaran menjadikannya kekurangan idea, tertekan dan kekurangan yang lain. Akhirnya percakapannya bertumpu pada topik yang sama yang diulang bertalu-talu sehingga mengakibatkan para pendengar menjadi jemu. Perkara ini diterangkan dengan terperinci oleh penulis menerusi bab yang ketiga hingga ke kemuncaknya iaitu huraian tentang kewajaran pengulangan ayat ( فَبِأَيِّ ) ( آَلَا رَبُّكُمَا تُكَذِّبَانِ ) dalam surah al-Rahma:n iaitulah menerusi bab kelima.

Penulis telahpun merujuk kepada idea para ulama silam dan moden yang telah membincangkan gaya bahasa pengulangan ini untuk dijadikan garis panduan sebelum melahirkan sesuatu natijah. Kebanyakan pendapat itu diperolehi dari kitab-kitab tafsir dan 'ulu:m al-Qur'a:n. Dengan mengambil kira pandangan-pandangan mereka pastinya akan membantu kita memahami sekaligus menghayati dengan sebenar-benarnya firman Allah s.w.t sekaligus pengamalannya secara lebih tepat dalam kehidupan kita.

### **1.1 Pengulangan Menurut Perspektif Ahli Bala:ghaṭ**

Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan ilmu bala :ghaṭ, maka berikut disorot pandangan para ulama bala :ghaṭ tentang maksud pengulangan itu sendiri.

Al-Ja:hiz (1992 :1 :35) menyebut dalam bukunya al-Hayawa:n yang bermaksud:

*“Allah s.w.t apabila mengkehendaki dari masyarakat Arab sesuatu perkara melibatkan hukum dan sebagainya, memadai disebut di sesuatu*

*tempat sahaja. Ini berbeza dari mesej untuk kaum Yahudi yang biasanya diulang pada banyak tempat. Perkara ini disebabkan oleh kesediaan orang-orang Arab untuk menerima perubahan yang berbeza dari masyarakat Yahudi yang terkenal dengan sikapnya yang suka menentang dan degil dari mendengar arahan”.*

Dalam keadaan seperti inilah, sesuatu arahan itu perlu diulang dengan kerap untuk mengatasi ketidakfahaman yang mungkin berlaku kepada golongan seperti mereka.

Al-Zamakhshariyy (1995:4:340) menjelaskan dalam tafsirannya kepada ayat pertama dan kedua dari surah al-Hujura:t berpendapat seruan berbentuk perintah itu ditujukan kepada orang-orang yang beriman diulang sekali lagi dalam ayat yang kedua untuk mengelakkan mereka dari lalai atau lupa. Dalam kedua ayat ini Allah s.w.t telah mengulangi seruan kepada orang-orang beriman dengan firmanNya “*Wahai orang-orang yang beriman...*” sebagai satu peringatan untuk semua para sahabat yang menghadiri majlis ilmu bersama Nabi Muhammad s.a.w agar mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Al-Qazwi:niyy (1995:114-115) pula beranggapan bahawa pengulangan ini merupakan sebahagian dari topik yang dibincangkan dalam bab al-Itna:b. Antara tujuan pengulangan ini dilakukan adalah untuk menghubungkan dua ayat yang sudah hampir terputus lantaran terlalu panjang ayat yang ingin disampaikan. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi ayat berikut:

š ü ĩ %©# ĩ 9 š □ - / u ‘ ž Ĩ ) ¢ Oè O  
 \$ t B ĩ %÷ è t / . ` ĩ B ( # r ã □ y \_ \$ y d  
 ( # r ß %y g » y \_ ¢ Oè O ( # q ã Z ĩ F è ù  
 š □ - / u ‘ ž Ĩ ) ( # ÿ r ç Ž y 9 | 1 u r  
 Ö ‘ q à ÿ t ó s9 \$ y d ĩ %÷ è t / . ` ĩ B  
 Ç Ê Ê É È Ò O ‹ ĩ m § ‘

Maksudnya: “Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu (memberikan pertolongan) kepada orang-orang yang telah berhijrah sesudah mereka difitnahkan (oleh kaum musyrik), kemudian mereka berjihad serta bersabar; sesungguhnya Tuhanmu - sesudah mereka menderita dan bersabar dalam perjuangan - adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (al-Nahl : 110).

Dalam ayat ini Allah mengulangi perkataan (رَبِّكَ) Tuhanmu sebanyak dua kali untuk menghubungkan kedua-dua ayat itu di bawah satu tujuan iaitu menjelaskan keagunganNya. Pengulangan ini perlu memandangkan terdapat huraian yang panjang selepas perkataan (رَبِّكَ) yang pertama.

Al-Mara:ghiyy (1992:175-176) menyatakan gaya bahasa pengulangan ini banyak berlaku dalam al-Qur’a:n dan ucapan serta sajak orang-orang Arab.

Menurut beliau , pengulangan ini berlaku kerana perkara-perkara berikut:

- i. Untuk mengesahkan sesuatu perkara. Sebagai contohnya Allah berfirman dalam surah al-Naba’ ayat 4-5:



Ç Í È      t b q ç Hs> ÷ è u < y ™      ž x x .  
t b q ç Hs> ÷ è u < y ™      ž x x .      ç O è O  
    Ç Í È

Maksudnya : “*Jangan! (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan mengetahui (dengan yakin tentang kebenaran hari balasan itu). Sekali lagi jangan! (Janganlah mereka berselisihan!) Mereka akan mengetahui kelak (tentang apa yang akan menimpa mereka) (al-Naba’: 4-5).*

Dalam ayat di atas, Allah mengulangi ayat كَلَّا سَيَعْلَمُونَ pada ayat 5 sebagai amaran untuk memperlihatkan betapa manusia yang engkar terhadap pemberitahuannya akan melalui dan merasai sendiri kegemparan hari kiamat yang didustakan oleh mereka dahulu. Ungkapan كَلَّا سَيَعْلَمُونَ yang bermaksud “*Jangan! (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan mengetahui*” diulang untuk menunjukkan betapa golongan tersebut perlu meyakini bahawa mereka benar-benar akan melalui hari pembalasan yang dijanjikan.

- ii. Untuk menambahkan lagi perhatian para pendengar. Perkara ini dapat diperhatikan dalam satu kisah dari al-Qur’an dari surah Gha:fir ayat 38-39:

š Aæt B# u ä ü” İ %©! \$ # t A\$ s%u r  
 È b q ã è Î 7 “ ? \$ # É Qö q s) » t f  
 Y@< Î 6y ™ ö Nà 2İ %÷ d r &  
 Ç Ì Ñ È İ Š\$ x ©\$ 9 \$ #  
 Í nÉ < » y d \$ y J - RÎ ) É Qö q s) » t f  
 \$ u < ÷ R’ %∞ \$ # ä o 4 q u < y s∞ 9 \$ #

not □ Åz Fy \$ # " b Î ) u r Óì » t F t B  
 Í ' # t □ s) ø9 \$ # â ' # y Š } ' Ì d  
 Ç Ì Ò È

Maksudnya : *“Dan berkatalah pula orang beriman itu: "Wahai kaumku! Turutlah (nasihat) ku, aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar. "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal”.*

Dalam ayat ini pula perkataan *يَعْتُومُ* yang bermaksud *"Wahai kaumku!"* diulang dalam ayat ke-39 bagi memastikan kesinambungan ucapan yang terdahulu. Seruan ke arah keimanan belum lagi berakhir dengan tamatnya ayat yang pertama. Ayat kedua menyusul untuk memberi peringatan terhadap suatu perkara yang pasti iaitu kehidupan di akhirat.

- iii. Pengulangan juga perlu untuk mengingatkan kepada pelbagai perkara yang disebutkan termasuk nikmat, pemberian dan sebagainya. Setiap sesuatu anugerah itu diingatkan kembali agar timbul rasa insaf dalam dirinya. Pengulangan yang dimaksudkan ini boleh diperhatikan dalam surah al-Rahma:n. Allah telah mengulangi ayat *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ* yang bermaksud: *“Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?”* sebanyak 31 kali untuk mengingatkan manusia keperluan bersyukur

kepadaNya lantaran terlalu banyaknya nikmat yang dianugerahkan.

Selain daripada bukti-bukti pengulangan dalam al-Qur'an terdapat sebuah hadis riwayat al-Bukha:riyy (1998:1180) bahawa Nabi s.a.w pernah mengulangi arahan yang sama sebanyak tiga kali kepada seorang sahabat. Arahan yang dimaksudkan adalah larangan baginda agar jangan marah. Sabda Nabi s.a.w sebagai wasiat kepada sahabat berkenaan:

لَا تَعْظَبْ

Maksudnya: "*Janganlah engkau marah*".

Menurut Ibn Hajar (1993:12:150) terdapat hadis yang lain riwayat Anas bahawa Nabi s.a.w kerap mengulangi kata-kata baginda sebanyak tiga kali agar lebih cepat difahami oleh para sahabat seperti dalam wasiat ini. Sebahagian ulama' pula menjelaskan bahawa lelaki yang tidak disebut namanya dalam hadis ini merupakan seorang yang pemaarah hingga menyebabkan Nabi s.a.w menasihatkannya agar mengawal kemarahan agar tidak melampau.

Dalam kedua penjelasan oleh Ibn Hajar di atas menunjukkan kepada kita bahawa pengulangan adalah salah satu teknik penting untuk memastikan keberkesanan mesej yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu Nabi s.a.w turut biasa menggunakannya.

Sebagai tambahan pengulangan seperti ini juga dapat dilihat dalam puisi-puisi Arab zaman zaman dahulu. Ibn 'Abd Rabbih ( t.t :2:286) menjelaskan dalam al-'Aqd al-Fari:d tentang dalam ratapan al-Muhalhil kepada saudara kandungnya Kulayb yang telah mati. Kata beliau:

عَلَى أَنْ لَيْسَ عَدْلًا مِنْ كَلْبٍ

إِذَا طُرِدَ الْيَتِيمَ عَنِ الْجُرُورِ

عَلَى أَنْ لَيْسَ عَدْلًا مِنْ كَلْبٍ

إِذَا حَيْفَ الْمَخُوفِ مِنَ الثُّغُورِ

Maksudnya: *Tidak ada sebanding dengan Kulayb, manakala anak-anak dihalau daripada unta yang telah disembelih.*

*Tidak ada yang sebanding dengan Kulayb, apabila orang menjadi cemas berhadapan dengan benteng-benteng yang menakutkan.*

Dalam rangkap-rangkap sajak ini, al-Muhalhil ataupun nama sebenarnya ‘U:diyy bin Rabi:’at<sup>1</sup> telah mengulangi sebutan ayat (عَلَى أَنْ لَيْسَ عَدْلًا مِنْ كَلْبٍ) yang bermaksud “*Tidak ada sebanding dengan Kulayb*” berkali-kali bagi memperlihatkan kesedihannya apabila saudaranya iaitu Kulayb bin Rabi:’at telah mati di tangan musuh. Menurut Na:siruddi:n al-Asad (1988:327) dalam Masa:dir al-Syi’r al-Ja:hiliyy, dia menyebut rangkap itu berulang-ulang kali bagi mengubati perasaan sedih bahawa saudaranya itu memilik sifat-sifat baik yang sukar ditemui pada individu lain.

Menurut Abd al-Mun‘im (1980:7) dalam Zahirat al-Takra:r fi: al-Qur’a:n al-Kari:m, al-Karma:niyy merupakan pengkaji al-Qur’an yang pertama membincangkan topik ini secara mendalam menerusi kitab karangannya Asra:r al-Takra:r fi: al-Qur’an

---

<sup>1</sup> Menurut Ibn ‘Abd Rabbih ( t.t :2:286) dalam kitab al-‘Aqd al-Fari:d, al-Muhalhil adalah gelaran untuknya kerana kebijaksanaannya menggunakan bahasa yang lunak dalam puisi-puisinya. Beliau mempunyai banyak puisi sebelum kedatangan Islam berkisar tentang peperangan, kepahlawanan dan kesetiaannya serta kedermawanannya dalam memerjuangkan nasib kabilahnya. Sebagai contohnya dalam puisi di atas al-Muhalhil ini menyebut secara terperinci kelebihan saudaranya dan sifat-sifat baik beliau ketika hidup. Beliau merasa amat sedih atas kehilangan saudaranya itu sedangkan masih banyak pengharapan disandarkan terhadap si mati.

al-Kari:m. Walaupun tajuk buku ini kelihatan menjurus kepada perbincangan tentang pengulangan, tetapi pengarang sebenarnya lebih menekankan hal-hal berkaitan mutasya:biha:t yang melibatkan ayat-ayat yang berulang.

Secara umumnya para sarjana di kalangan ahli bahasa berpendapat bahawa objektif pengulangan dalam al-Qur'an, hadith ataupun dialog adalah bertujuan untuk memperkuat pengisian yang terdapat dalam ayat ataupun memberikan ketetapan terhadap kandungan intipati yang terdapat dalam sesuatu ayat.

Bertitik tolak dari sini penulis berhasrat membuat satu kajian yang dapat dijadikan satu panduan untuk memahami bilakah masanya perlu dilakukan pengulangan dan bagaimanakah bentuknya. Mengapakah pengulangan itu berlaku pada 31 tempat dalam surah al-Rahma:n. Adakah pengulangan yang berlaku pada kisah-kisah dalam al-Qur'an dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu selain daripada dua objektif yang telah dihuraikan di atas.

## **1.2 Deskripsi Tajuk Kajian**

Tajuk yang dipilih penulis adalah Gaya Bahasa Pengulangan Dalam al-Qur'an: Satu Kajian Dalam Surah al-Rahma:n.

Untuk menjelaskan lagi maksud kajian ini, berikut penulis perturunkan deskripsi patah perkataan yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Penulis telah menggunakan Kamus Dewan Edisi keempat yang dicetak pada tahun 2005 untuk menghuraikan patah perkataan tersebut. Berikut adalah huraian deskripsi tajuk:

### **i. Gaya**

Ia merujuk kepada cara atau jalan melakukan sesuatu.

### **ii. Bahasa**

Iaitu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain.

### **iii. Pengulangan**

Pengulangan dalam bahasa Arab dipanggil sebagai تَكْرَارٌ adalah berasal dari Kata Kerja (KK) كَرَّرَ. Daripada Kata Kerja ini, Kata Nama Terbitannya (KT/ مَصْدَرٌ) menjadi تَكْرَارٌ dan Kata Namanya (KN / اِسْمٌ) تَكْرَارٌ.

Menurut Kamus Dewan (2005) ia adalah merujuk kepada perihal sesuatu yang dilakukan secara berkali-kali ataupun kerap. Oleh sebab kajian ini difokuskan proses mengemukakan hujah secara berterusan yang membentuk pendekatan gaya bahasa pengulangan yang mencorakkan fenomena unik yang berterusan dan memberikan identiti yang khusus kepada surah seperti al-Rahman ini, maka tentulah lebih tepat digunakan Kata Nama Terbitan secara berbaris atas ( تَكْرَارٌ ) pada huruf yang pertama, bukannya berbaris dibawah ( تَكْرَارٌ ).

### **iv. Dalam al-Qur'an**

Kajian ini memberikan keutamaan kepada ayat-ayat dalam kitab suci al-Qur'an

yang merupakan kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menjadi panduan hidup manusia.

#### **v. Kajian**

Kata Nama ini membawa maksud kegiatan atau usaha yang berdasarkan data atau maklumat terperinci yang dikumpulkan dalam satu jangka masa.

#### **vi. Surah al-Rahma:n**

Kajian ini memberikan tumpuan kepada suatu bahagian daripada al-Qur'an yang dinamakan sebagai surah al-Rahma:n yang bermaksud Allah yang pemurah.

Walaupun penulis akan memberikan fokus yang lebih terhadap fenomena pengulangan dalam surah al-Rahma:n, namun ia tidak bermakna penulis mengeneipkan gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam surah yang lain. Penulis akan membawakan juga ayat-ayat dari surah lain yang mempunyai kaitan dengan ayat-ayat dari surah al-Rahma:n yang boleh menjadi penyokong kepada kajian ini.

### **1.3 Hipotesis Kajian**

Beberapa hipotesis menjadi latar belakang dan garis panduan dalam menentukan skop kajian pengulangan ini. Pertama, perkara ini mempunyai persamaan dengan teknik atau kaedah pengulangan yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Hipotesis berikutnya beranggapan bahawa di dalam al-Qur'an, khasnya surah al-Rahma:n yang menjadi skop perbincangan merupakan surah yang paling ketara dengan bentuk pengulangan yang terdapat dalam ayat-ayatnya. Para pembaca tentu akan merasai

pengulangan ayat yang berlaku secara konsisten dari permulaan surah hingga ke akhirnya. Bagi pembaca muslim mereka tentunya meyakini sepenuhnya bahawa pengulangan yang berlaku dalam surah ini pasti mengandungi makna-makna yang tersirat, rahsia dan hikmah tertentu yang dituntut untuk mereka memahaminya. Perkara ini adalah selari dengan tuntutan mentadabbur al-Qur'an yang terdapat dalam firman Allah menerusi ayat ke 24 surah Muhammad:

t b r ā □ - / y %đ Ğ f Ÿx sùr &  
 4 ' n? t ā ô Qr & š c # u ä ö □ à ) ø 9 \$ #  
 Ç È Í È ! \$ y g ä 9 \$ x ÿ ø %r & A > q è = è %

Maksudnya: “(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Qur'an? Ataukah telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Qur'an)?”.

Menurut al-Bayda:wiyy (2003:2:404) dalam Anwa:r al-Tanzi:l wa Asra:r al-Ta'wi:l, ayat ini bermaksud mengapakah golongan manusia ini tidak mengkaji al-Qur'an menyebabkan mereka terus menerus melakukan maksiat.

Salah satu riwayat yang terdapat dalam tafsir Ja:mi' al-Baya:n seperti yang dinyatakan oleh al-Tabariyy (1995: 13:74) menjelaskan bahawa ayat ini merupakan peringatan kepada manusia supaya mereka mengelakkan diri dari terus melakukan dosa dan kesilapan.



Hipotesis seterusnya ialah teknik pengulangan ini semestinya tertakluk pada satu kaedah atau panduan yang tetap. Bukanlah perkara ini boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya mengikut kehendak penulis.

#### **1.4 Sebab-sebab Pemilihan Tajuk**

Penulis cenderung untuk membuat kajian ini disebabkan beberapa perkara:

Pertamanya, kajian ini berkait rapat dengan al-Qur'an. Tidak dapat disangkal lagi bahawa sebaik-baik kajian ialah yang berkaitan dengan al-Qur'an. Junjungan besar, Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda dalam satu hadith sahih riwayat al-Bukhari:riyy (1994:18) yang bermaksud, "*Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Qur'an dan mengajarkannya*". Perkara ini serta yang berkaitan dengan kelebihan al-Qur'an disebut secara panjang lebar dalam banyak kajian para cendekiawan dan ilmuan Islam dahulu dan sekarang, sebagai contohnya, sebuah buku yang berjudul "Adab-adab Penghafaz al-Qur'an" hasil karya al-Nawawi:riyy.

Keduanya, adalah menjadi harapan penulis untuk bersama-sama menyumbang produktiviti berbentuk kajian kepada para pencinta bahasa Arab dan agama ke arah membantu mempertingkatkan daya faham dan kebolehan mendalami maksud yang tersirat di sebalik yang tersurat yang terdapat dalam bahasa Arab itu sendiri. Ini kerana seperti yang kita sedia maklum bahawa bahasa ini kaya dengan pelbagai unsur retoriknya atau al-Bala:ghat (البلاغة) yang hanya dapat kita kuasai melalui pembacaan yang bersifat komprehensif. Penulis tidak menganggap kajian ini adalah yang terbaik, tetapi apa yang diharapkan ialah agar ia menjadi satu titik permulaan untuk terus

dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain.

### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat untuk mencapai beberapa objektif yang tertentu. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti kaedah-kaedah penggunaan gaya bahasa al-Takra:r (pengulangan) dalam bahasa Arab.
2. Untuk menganalisis keistimewaan-keistimewaan yang terdapat pada ayat-ayat yang menggunakan kaedah-kaedah pengulangan dalam surah al-Rahma:n dari sudut ilmu al-Ma'a:ni: dan ketepatan penggunaannya.
3. Untuk membuktikan bahawa gaya bahasa pengulangan yang diguna pakai dalam dalam surah al-Rahma:n bukanlah suatu kecacatan ataupun kelemahan dalam kaedah komunikasi seperti yang didakwa oleh sesetengah Orientalis. Ia sebaliknya satu bentuk pengukuhan ataupun penyebutan semula sesuatu anugerah agar sentiasa diingati oleh ke dua-dua golongan mukallaf iaitu jin dan manusia.
4. Untuk merumuskan satu garis panduan tentang kaedah-kaedah penggunaan pengulangan yang dapat dijadikan sandaran dalam tatabahasa dan retorik Arab.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian seperti ini sangat penting kerana sepanjang pemerhatian penulis, ianya belum pernah dibuat di dalam bahasa Melayu. Seperti yang disebut pada bahagian awal,

seseorang itu perlu menguasai kaedah-kaedah pengulangan untuk menghasilkan suatu ayat yang baik dan berkesan dalam menyampaikan mesej.

Selain itu, kajian ini juga dapat membuktikan kehebatan yang terkandung di dalam kitab suci al-Qur'an dari sudut i'ja:z bahasanya melalui penggunaan gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam surah al-Rahma:n.

Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi faedah yang menyeluruh kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Perbincangan yang dipersembahkan dalam kajian ini dapat membantu mereka untuk menguasai kaedah-kaedah pengulangan secara tepat dan berkesan baik dari sudut pemahaman atau penggunaan.

Penulis juga berharap dengan membaca kajian ini seseorang itu dapat menguasai teknik pengulangan secara berkesan dalam komunikasi hariannya, sama ada dalam penulisan ataupun pertuturan. Apabila membaca kajian seperti ini seseorang itu akan dapat menguasai kaedah komunikasi yang efektif dalam interaksinya dengan masyarakat sekaligus menghindarkan diri dari huraian yang terlampau panjang (التَّطْوِيلُ) yang akan menyebabkan para pendengar merasa jemu yang akan mengakibatkan hilang penumpuan.

Al-Yamaniyy (1982:2:232) menyatakan dalam karyanya menyatakan bahawa pengulangan dengan cara yang tepat adalah sangat terpuji kerana ia membantu memberikan penjelasan yang lebih sempurna. Ini berbeza dari huraian yang terlampau panjang yang sangat dicela kerana tidak mengandungi sebarang faedah kepada

pendengar.

Seterusnya, adalah diharapkan kajian ini dapat membuka laluan kepada para pengkaji selain dari kalangan ahli akademik dan bahasa untuk menghasilkan kajian perbandingan pengulangan di antara bahasa Arab dan bahasa Melayu.

### 1.7 Bidang Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada Retorik Arab di bawah topik ilmu al-Ma'a:ni: yang digunakan oleh Allah s.w.t menerusi surah al-Rahma:n yang terletak dalam juzuk kedua puluh tujuh (27) di tempat ke lima puluh lima (55) dalam susunan surah-surah al-Qur'an. Surah ini merupakan antara surah yang paling jelas menonjolkan gaya bahasa berbentuk pengulangan iaitu sebanyak tiga puluh satu (31) kali menerusi tujuh puluh lapan (78) ayat yang diwahyukan oleh Allah s.w.t.

Dalam kajian ini hanya analisis melibatkan gaya bahasa pengulangan ayat ( **فَبِأَيِّ** ( **أَلَاءَ رَبِّكُمَا تُكذَّبَانِ** ) dalam surah al-Rahma:n sahaja yang dilakukan. Ini termasuk kaitannya dengan ayat yang terdahulu dengan yang kemudian dan keistimewaannya serta rahsia-rahsia yang tersirat di sebalik pemilihan perkataan dan susunan ayat itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun, dalam rangka menghasilkan satu huraian yang komprehensif dan meyakinkan, kajian ini juga akan menyentuh bidang-bidang linguistik terapan yang lain yang berkaitan dengan ilmu Bala:ghat. Bidang-bidang yang dimaksudkan ialah:

**a) Tatabahasa**

Dalam perbincangan mengenai gaya bahasa pengulangan penulis akan menyentuh aspek-aspek tatabahasa yang berhubung kait seperti Kata Kerja Kala Lampau (*al-fi'l al-ma:di:*), kata kerja kala kini (*al-fi'l al-muda:ri'*) dan kata kerja imperatif (*fi'l al-amr*).

Selain itu juga penulis juga akan menyentuh tentang frasa-frasa dan partikel-partikel tertentu yang kebanyakannya diambil dari kaedah tatabahasa, kerana teori al-al-Ma'a:ni: itu sendiri merupakan kaedah Bala:ghat yang berkaitan dengan ilmu nahu.

**b) Semantik**

Melalui semantik, penulis akan membincangkan makna-makna yang tersurat dan tersirat dalam ayat-ayat yang berulang itu serta makna-makna Bala:ghat berdasarkan konteks ayat yang terdapat dalam surah al-Rahma:n.

**c) Morfologi**

Dalam perbincangan tentang makna-makna perkataan dalam ayat-ayat yang berulang ini, penulis akan menyentuh aspek morfologi untuk mengenalpasti pengambilan istilah-istilah tersebut. Ini akan melibatkan penggunaan istilah al-Takra:r itu sendiri, dan perbezaannya dari al-Takri:r dan al-Tikra:r serta kajian terperinci tentang aspek al-I'ja:z memandangkan kajian pengulangan ini tidak akan dapat dipisahkan dari kemukjizatan al-Qur'an itu sendiri.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada kaedah penggunaan ayat pengulangan menerusi ilmu Bala:ghaṭ Arab. Penulis akan turut membincangkan secara terperinci mengenai ayat-ayat pengulangan iaitu al-Takra:r dalam bahasa Arab dengan berpandukan kepada ayat-ayat al-Qur'an menerusi surah al-Rahma:n. Pengkhususan kajian ini agar difokuskan kepada surah al-Rahma:n sahaja bagi mengelakkan penyelidikan ini menjadi terlalu panjang hingga boleh mengakibatkan kehilangan penumpuan dan ketelitian.

Walaupun kajian ini dikhususkan kepada surah ini, tetapi penulis turut menggunakan contoh dari ayat lain atau perkataan dari surah-surah lain untuk menguatkan hujah yang akan dikemukakan.

## **1.9 Metodologi Kajian**

Umumnya kajian ini banyak bergantung kepada bahan-bahan bercetak yang terdapat dalam buku-buku di perpustakaan. Buku-buku yang dirujuk adalah dari buku-buku bahasa Arab terutamanya, bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Data-data bertulis yang tentang definisi, konsep dan kajian yang lepas ini melibatkan terutamanya kitab-kitab tafsi:r, hadi:th, buku-buku bala:ghaṭ, termasuk juga kamus-kamus.

Untuk tujuan itu rujukan telah dibuat di beberapa buah perpustakaan di universiti-universiti tempatan di samping membuat tempahan buku-buku berkaitan dari luar negara. Proses pengumpulan ini akan dimulakan dengan pembacaan, diikuti dengan proses saringan kemudian dibandingkan dengan pandangan-pandangan lain oleh para ilmuan. Tindakan membanding bezakan ini amat penting agar rumusan akhir yang

dicapai menjadi lebih tepat. Sekiranya tiada persepakatan dalam sesuatu perkara, maka pendapat-pendapat tersebut akan dikemukakan. Bagi memastikan maksud yang dikehendaki oleh penulis asal dalam bahasa Arab ataupun Inggeris diterjemahkan dengan betul, penulis akan merujuk kepada penyelia ataupun para pensyarah universiti yang berkeahlian.

Di samping itu kemudahan maklumat yang dialurkan daripada internet juga banyak membantu terutamanya apabila sesuatu bahan itu sukar diperolehi daripada bahan-bahan bercetak yang diperolehi. Namun demikian penulis akan memastikan kesahihannya dengan memastikan kewujudannya dalam bentuk manuskrip. Jika tiada rujukan dalam bentuk manuskrip, maka penulis akan mengabaikan sahaja kerana dibimbangi adanya sebarang kesilapan padanya.

Metode kajian yang bersandarkan kepada buku-buku dan rujukan dari perpustakaan ini akan digunakan secara intensif pada kesemua yang akan disusun.

Penulis akan menggunakan tiga metode utama yang biasa digunakan dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Metodologi itu adalah seperti di bawah:

- i. Metode Penentuan Subjek
- ii. Metode Pengumpulan Data
- iii. Metode Penganalisan Data

Berikut adalah penjelasan terperinci terhadap ketiga-tiga metodologi yang digunakan itu.

### **1.9.1 Metode Penentuan Subjek**

Penulis akan menggunakan metode sampling dalam menentukan subjek penelitian. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, penulis telah memilih tajuk al-Takra:r iaitu pengulangan sebagai tajuk atau subjek penelitian. Penulis akan mengelakkan perkara-perkara yang kurang relevan bagi mengelakkan pertindanan tajuk atau penghuraian fakta yang kurang penting yang boleh menjejaskan topik kajian ini. Pengulangan yang menjadi fokus bahas adalah melibatkan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) daripada surah al-Rahma:n.

Turut dikemukakan dalam kajian ini menerusi bab keempat adalah bentuk-bentuk pengulangan dalam al-Qur'an yang melibatkan huruf-huruf pada permulaan surah-surah al-Qur'an, Ganti Nama dan kisah-kisah dalam al-Qur'an. Penjelasan kepada bentuk-bentuk pengulangan ini akan membantu para pembaca mendapat gambaran yang jelas tentang pengulangan itu sebelum beralih kepada pengulangan ayat menerusi surah al-Rahma:n.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa tajuk-tajuk yang berkaitan bahasa Arab ini dan yang seumpama dengannya sewajarnya dilihat dari semua sudut, tetapi kajian ini hanyalah menyentuh satu aspek sahaja yang patut diberikan perhatian.

### **1.9.2 Metode Pengumpulan Data**

Sebagai jalan untuk mengumpulkan data-data dan maklumat, penulis telah menggunakan beberapa teknik bagi memastikan segenap maklumat yang diberikan itu



tepat dan benar. Antara metode yang digunakan dalam kajian ini adalah Metode Historis dan Metode Dokumentari. Berikut merupakan huraian ringkas berkenaan kedua-dua metode itu:

#### **i. Metode Historis**

Metode historis ini adalah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat terhadap sesuatu senario dan fenomena yang berlaku yang berkaitan dengan kajian ini. Metode ini digunakan bertujuan memperolehi sekaligus membuat penelitian terhadap data-data yang ada kaitannya dengan sejarah yang perlu. Dalam meneliti dan mengumpulkan data-data sejarah ini, kajian ini akan bergantung kepada fakta-fakta yang tercatat dari pelbagai bahan yang terdapat pada buku-buku dalam berbagai disiplin terutamanya dalam bidang al-Qur'an dan bala:ghaṭ yang ditulis dalam zaman yang berbeza-beza.

Kajian tentang gaya bahasa pengulangan dalam al-Qur'an merupakan suatu perkara yang telah dibincangkan sejak zaman dahulu lagi dan ia bukanlah perkara yang asing dalam kehidupan.

Dalam menghasilkan kajian ini, banyak faedah telah diperolehi daripada metodologi para ulama ulama bala:ghaṭ pada zaman terdahulu dan moden. Antara paling banyak mempengaruhi kaedah atau metodologi kajian ini adalah 'Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy, Jala:l al-Di:n al-Suyu:tiyy di kalangan ulama silam. Manakala di kalangan ulama moden pula penulis banyak dipengaruhi oleh metodologi Fadl Hasan 'Abba:s.

## ii. Metode Dokumentari

Metode ini adalah berkaitan dengan cara pengumpulan data-data penting yang mempunyai kaitan dengan skop kajian serta masalah yang dihadapi. Ini termasuklah penelitian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian al-Takrar yang menjadi teras kepada kajian ini. Oleh itu kaedah pengumpulan data telah dijalankan secara kualitatif. Data-data ini telah dikumpulkan daripada buku-buku bala:ghat karangan ulama silam dan moden, tatabahasa, kamus dan kajian sarjana mutakhir yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

Dalam kajian ini, terjemahan ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan adalah berpandukan kepada terjemahan al-Qur'an Pimpinan al-Rahman karangan Abdullah Basmeh terbitan Jabatan Perdana Menteri.

Manakala dalam terjemahan perkataan Arab pula khususnya yang melibatkan istilah, penulis merujuk kepada Glosari Bahasa Arab-Melayu terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

### 1.9.3 Metode Penganalisaan Data

Dalam menganalisa maklumat dan data yang didapati, penulis akan menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif. Melalui metod induktif atau pengumpulan data yang mempunyai kaitan khusus untuk membuat kesimpulan yang berbentuk umum, penganalisaan dibuat berdasarkan kepada data-data catatan ahli-ahli bahasa dan

ini melengkapkan kajian pada bahagian-bahagian awal menerusi bab pertama hingga keempat daripada kajian ini.

Manakala metode yang kedua pula, iaitu deduktif, membawa makna yang berlawanan dari yang pertama, di sini penulis akan membuat suatu pernyataan diikuti dengan hujah untuk membuktikan kebenarannya.

Metode yang terakhir, iaitu metode komparatif pula adalah bermaksud membuat perbandingan terhadap data-data yang diperolehi seterusnya kesimpulan hasil daripada perbandingan itu. Dalam kajian ini juga pendekatan ‘Abd al-Qa:hir al-Jurja:niyy, Jala:l al-Di:n al-Suyu:tiyy dan Fadl Hasan ‘Abba:s sekali lagi didapati amat membantu menghasilkan rumusan yang kukuh terhadap gaya bahasa pengulangan dalam surah al-Rahma:n yang menjadi fokus kajian ini.

### **1.10 Sumbangan Kajian**

Kajian seperti ini amat penting untuk diri penulis sendiri khasnya dan sahabat-sahabat dari kalangan yang cintakan bahasa ini amnya sebagai usaha untuk mempertingkatkan kefahaman dalam bahasa Arab. Kajian ini sangat bermakna buat diri penulis kerana adalah diharapkan agar ia menjadi titik permulaan semula ke arah mengkaji aspek Bala:ghat yang menjadi teras untuk memahami al-Qur’an dengan lebih mendalam.

Selain dari itu, adalah diharapkan agar kajian ini menjadi sumbangan penulis ke arah memperkayakan perpustakaan-perpustakaan nasional dengan bahan-bahan yang

memudahkan proses pembelajaran bahasa al-Qur'an ini. Seperti yang sedia diketahui, kekurangan bahan-bahan yang melibatkan sesuatu bahasa akan memberi kesan kepada pembelajaran bahasa itu sendiri.

Akhir sekali, mudah-mudahan kajian ini akan menjadi pencetus dan momentum kepada kajian yang lain dalam bidang ini kerana apa yang dapat dipersembahkan oleh penulis di sini hanyalah terlalu kecil berbanding dengan apa yang terdapat di bawah tajuk ini.

### **1.11 Rangka Kajian**

Kajian ini terbahagi kepada enam bab. Dalam bab pertama penulis akan membincangkan dasar-dasar penulisan tesis ini bermula dengan pendahuluan diikuti dengan sebab-sebab pemilihan tajuk. Kemudian penulis mengemukakan hipotesis bidang dan batasan kajian ini yang menghadkan ruang lingkup perkara-perkara yang akan disentuh dalam topik-topik yang berasingan. Penjelasan secara terperinci berkaitan objektif kajian turut dimuatkan dalam bab ini. Penulis seterusnya memperkukuhkan bab ini dengan kepentingan kajian terhadap kaedah-kaedah pengulangan. Setelah itu dijelaskan pula kaedah metodologi penyelidikan yang digunakan iaitu perpustakaan. Akhir sekali penulis mengemukakan rangka kajian yang akan dijalankan.

Dalam bab kedua pula, penulis menjelaskan tentang kajian pengulangan oleh ahli-ahli bahasa Arab dari zaman silam hingga ke zaman moden disertakan dengan

contoh-contohnya. Seterusnya kajian ini turut memperjelaskan tentang peranan Retorik Arab dengan elemen asas iaitu ilmu al-Ma:‘ani: dalam komunikasi dalam bahasa Arab. Penulis telah berpandukan teori al-Nazm yang diasaskan oleh al-Jurja:niyy menerusi kitabnya Dala:’il al-I’ja:z untuk menghuraikan perkaitan antara al-Takra:r sebagai satu komponen al-Itna:b dan kaitan antara kedua-duanya dalam persembahan ilmu al-Ma:‘ani:.

Penulis juga menjelaskan bahawa pengulangan sebenarnya merupakan satu perkara yang biasa berlaku dalam komunikasi manusia dengan manusia. Perkara ini dilakukan untuk memenuhi beberapa objektif yang tertentu. Penulis turut menjelaskan tentang faktor-faktor yang menyebabkan pengulangan perlu dilakukan dan implikasinya.

Dari sini kajian yang dilakukan ini berjaya membuktikan kepentingan kemahiran menyusun bicara begitu berpengaruh untuk memperindahkan ayat di samping menyampaikan makna. Selain itu, penulis membezakan al-Takra:r ini dengan dengan al-Tawki:d al-Lafziyy. Penulis mengemukakan bentuk-bentuk pengulangan yang terdapat dalam surah-surah al-Qur’an sebagai hujah untuk menyokong topik perbincangan kajian ini. Rajah-rajah berkaitan turut dilakarkan agar lebih mudah difahami.

Dalam bab yang ketiga, penulis telah mengumpulkan bentuk-bentuk pengulangan dalam ayat-ayat al-Qur’an. Secara dasarnya pengulangan yang berlaku melibatkan ayat-ayat al-Qur’an terbahagi kepada empat jenis iaitu pengulangan melibatkan partikel, kisah, frasa dan suruhan. Penulis berkesempatan mengkaji

pandangan para sarjana Bala:ghat Arab, dalam kajian melibatkan leksikologi dan tafsir. Antara para sarjana pentafsir al-Qur'an yang banyak menyumbang dalam memberikan penjelasan terhadap fenomena pengulangan di kalangan pemikir terdahulu adalah al-Zamakhshariyy manakala antara pandangan sarjana yang terkemudian pula Abu: al-Su'u:d. Namun penulis turut merujuk kepada analisis-analisis kreatif yang dilakukan oleh para pentafsir seperti Ibn al-Qayyim, al-Fakhr al-Ra:ziyy dan al-Qurtubiyy. Pandangan-pandangan mereka telah dibahaskan dengan terperinci sehingga penulis membuat satu kesimpulan terakhir.

Dalam bab keempat, penulis telah memperjelaskan tentang latar belakang surah al-Rahma:n yang menjadi teras kepada kajian ini diikuti dengan analisis yang mendalam terhadap ayat demi ayat yang terlibat dalam surah ini. Pengulangan yang berlaku dalam surah ini mempunyai objektif yang tertentu. Menerusi bab yang merupakan terpenting secara keseluruhannya ini, penulis mengemukakan perbincangan ayat-ayat yang terlibat dan tafsirannya, juga ayat-ayat dari surah-surah yang berkaitan untuk menyokong hujah yang dikemukakan. Perbandingan antara ayat-ayat dari ke dua surah ini dan surah-surah yang lain sebenarnya saling membantu memperjelaskan rahsia pengulangan dalam ayat-ayat al-Qur'an berpandukan kaedah sesuatu ayat mentafsirkan yang lain.

Dalam bab ini juga, penulis turut mengemukakan fakta berkaitan latar belakang turun sesuatu ayat (أسباب النزول) untuk mengambil kira faktor-faktor lain yang turut menyumbang untuk membuktikan kewajaran berlakunya pengulangan tersebut. Penulis telah membuktikan bahawa pengulangan yang berlaku dalam ayat-ayat Allah

sebenarnya berbeza dari pengulangan yang manusia lakukan. Pengulangan yang berlaku dalam al-Qur'an sebenarnya menyempurnakan kitaran i'jaz yang menjadi bukti kebenaran dakwah Nabi Muhammad s.a.w hingga ke akhir zaman. Penulis sangat bersetuju dengan pandangan sarjana Islam Muhammad Qutb menerusi bukunya Dira:sat Qur'a:niyyat yang mengatakan bahawa pengulangan dalam al-Qur'an merupakan suatu pendekatan mempelbagaikan gaya penyampaian (التَّنْوِيع) agar tercapai objektif utama iaitu menimbulkan kesedaran kepada para pembaca agar beriman kepada Allah s.w.t.

Dalam bab kelima pula iaitu bab yang terakhir, penulis telah memuatkan beberapa rumusan dan cadangan sebagai kesimpulan dari kajian yang telah dilakukan dan diakhiri dengan penutup.

## **1.12 Penutup**

Masih ramai golongan masyarakat yang tidak mengetahui tentang hakikat kewujudan gaya bahasa ini dalam al-Qur'an. Kajian ini dibuat antara lain untuk memperkenalkan dan memperkembangkan pengetahuan mereka mengenai bahasa ini dan memaparkannya dalam bentuk yang mudah untuk difahami.

Kefahaman yang mendalam terhadap penggunaan gaya bahasa ini sangat penting untuk membantu seseorang pelajar atau pengkaji mendalami bahasa yang Arab dan Bala:ghat al-Qur'a:n.

Oleh sebab itu, penulis amat mengharapkan agar kajian ini menjadi titik tolak ke arah melahirkan buku-buku penulisan ilmu retorik bahasa Melayu dengan penyusunan yang lebih baik dan sistematik, selain daripada membuka ruang untuk berlakunya proses pertukaran maklumat antara berbagai bahasa yang dituturkan oleh manusia.